

Dr. M. tegur Melayu perangi musuh yang sengaja diada2kan

U.M.

BENTONG 24 April — Dr. Mahathir hari ini menegur orang-orang Melayu yang membazirkan masa dan tenaga memerangi musuh-musuh yang sengaja diadadakan sehingga mengepikan perkara-perkara yang lebih penting.

Timbalan Perdana Menteri dan Naib Presiden UMNO menyeru ahli-ahli parti jangan terikut-ikut dengan arus itu kerana akibatnya akan memecah-belahkan seterusnya melumpuhkan UMNO sendiri.

Berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Bentong yang ke 24, disini, pagi ini, beliau juga menarik perhatian: "Belum ada sebarang parti nasional yang boleh mengambil alih tempat UMNO dan membentuk kerajaan yang berkesan dan stabil seperti sekarang ini".

Dr. Mahathir berkata, selepas merdeka didapati orang-orang Melayu tidak lagi berminat menghadapi masalah-masalah penting sebaliknya asyik mencari perbalahan dan mengesan

musuh-musuh untuk diperangi.

"Musuh-musuh yang kita bentuk ada dari kalangan Melayu sendiri kerana mereka tidak menyertai kita di dalam bidang-bidang yang kita perjuangkan seperti agama dan sebagainya.

Tenaga

"Setengah-setengah musuh itu adalah benar tetapi setengahnya adalah musuh bayangan yang sengaja diada-adakan dan banyakkah masa serta tenaga dihabiskan untuk memerangi musuh-musuh yang semakin lama semakin ramai itu." katanya.

Timbalan Perdana Menteri menambah: "Yang malangnya kalau kita berjaya sekalipun dalam memerangi musuh-musuh itu, ia tidak beri munafaat kerana kita cuma balik kepada keadaan sediakala dan tidak ada sebarang perubahan kerana musuh-musuh itu kita bentuk sendiri".

Beliau menarik perhatian bahawa apa yang berlaku sama ibaratnya seperti satu dogeng Se-

panyol mengenai seorang anak muda yang begitu ghairah menentang sekor naga sehingga dibentuknya kilang kisar tepung sebagai naga bayangan dan akibatnya dia sendiri yang menderita kerana kece-dera-an.

Katanya, dalam bidang pelajaran ada pejuang-pejuang sekular. Jadi kita habiskan masa dan tenaga memerangi orang-orang ini kerana dikatakan tidak menghargai kuasa Tuhan, sedangkan bidang pelajaran penting untuk memajukan bangsa Melayu.

Dalam bidang agama pula terdapat kalangan masyarakat Melayu kerana hendak membuktikan yang mereka beriman dalam agama telah membuat cadangan-cadangan yang tidak patut dibuat sehingga kita bermusuhan sesama sendiri.

Dr. Mahathir memberi contoh tentang cadangan-cadangan seperti diadakan bilik sembahyang di dalam keretapi dan menyediakan Quran di hotel-hotel seperti

LIHAT MUKA 12

[Ruangan 6]

DARI MUKA 1
yang dilakukan oleh mubaligh-mubaligh Kristian dengan kitab-kitab injil mereka.

"Soalnya kalau perjuangan itu benar-benar untuk mengembangkan Islam mengikut lunas-lunas yang betul tidak mengapa, tetapi kita harus tahu membezakan perkara yang sebenar dengan perjuangan yang semata-mata untuk menarik perhatian ramai pada diri mereka sendiri", tegas beliau.

Dr. Mahathir kemudian menarik perhatian bagaimana dengan perpaduan dan tekad yang satu orang-orang Melayu sebelum merdeka berjaya menundukkan pihak British yang disifatkan sebagai suatu kuasa dunia.

Beliau menyeru ahli-ahli UMNO jangan terikut-ikut dengan arus mengadakan musuh-musuh yang tidak ada kerana ia hanya akan memecah-belahkan parti itu sendiri.